

HASiL/2026/02/28 - 15

PERKHIDMATAN E-FILING BAGI TAHUN TAKSIRAN 2025

DIBUKA MULAI 1 MAC 2026

CYBERJAYA, 28 FEBRUARI 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan e-Filing bagi pengemukaan Borang Nyata (BN) bagi Tahun Saraan 2025 dan Tahun Taksiran 2025 melibatkan **Borang E, BE, B, M, BT, MT, P, TF, TJ dan TP** akan dibuka mulai **1 Mac 2026**.

HASiL telah menguatkuasakan pengemukaan BN secara mandatori menggunakan perkhidmatan yang disediakan secara dalam talian atau e-Filing melalui perkhidmatan portal MyTax. Pembayar cukai dan majikan boleh mengakses perkhidmatan ini secara terus ke portal MyTax <https://mytax.hasil.gov.my> atau melalui portal rasmi HASiL <https://www.hasil.gov.my> > **MyTax > Perkhidmatan ezHasil > e-Filing**. Bagi ejen cukai, pengemukaan hendaklah menggunakan platform **Tax Agent e-filing System (TAeF)** yang boleh diakses melalui portal MyTax.

Mulai 1 Mac 2026, Nombor Kad Pengenalan ditetapkan sebagai nombor pengenalan bagi pemegang MyKad, MyPR dan MyKAS untuk urusan percukaian, termasuk untuk mengakses ke portal MyTax. Anggota tentera atau polis yang menggunakan nombor tentera atau polis sebagai pengenalan identiti sewaktu mengakses portal MyTax perlu mendaftar semula Sijil Digital Individu menggunakan Nombor Kad Pengenalan awam.

Pilih Nombor MyKad/MyPR/MyKAS dan input nombor kad pengenalan sewaktu log masuk dan ikut arahan selanjutnya di skrin.

Bagi memastikan kelancaran proses pengemukaan BN melalui e-filing, pembayar cukai hendaklah memastikan telah mempunyai peranan di MyTax yang berkaitan seperti yang berikut:

Bil.	Kategori BN	Jenis Peranan di MyTax
1.	BE, B, M, BT, MT	Individu
2.	E & C.P.8D	Majikan atau Wakil Majikan
3.	P, TF dan TJ	Pengarah Syarikat/Pentadbir Organisasi; atau Wakil Pengarah
4.	TP	Pentadbir Harta Pusaka

Sebagai panduan pengemukaan e-Borang, pembayar cukai boleh merujuk kepada **Program Memfail BN Bagi Tahun 2026** yang boleh dicapai dan dimuat turun melalui pautan pantas berikut:

i. **Versi Bahasa Melayu:**

<https://www.hasil.gov.my/media/02mbu5fw/program-memfail-bn-bagi-tahun-2026.pdf>

ii. **Versi Bahasa Inggeris:**

<https://www.hasil.gov.my/media/fqog1423/rf-filing-programme-for-2026.pdf>

HASiL ingin mengingatkan bahawa kegagalan mengemukakan BN serta melaporkan pendapatan sebenar dalam tempoh yang dibenarkan boleh menyebabkan pembayar cukai dikenakan tindakan di bawah subseksyen 112(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 berikut:

Jenis Kesalahan	Peruntukan Di Bawah ACP 1967	Jumlah Denda (RM)
Gagal menyerahkan BN untuk mana- mana satu tahun taksiran atau memberi notis pengenaan cukai bagi individu yang baru tiba di Malaysia	112(1)	200.00 hingga 20,000.00 / Penjara tidak melebihi 6 bulan / Kedua-duanya

Sekiranya pembayar cukai lewat mengemukakan BN, pengenaan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 adalah berdasarkan tempoh kelewatan selepas tarikh akhir pengemukakan BN seperti yang berikut:

Bil.	Tempoh Lewat	Kadar Penalti (%)
1.	Sehingga 12 bulan	15
2.	Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	30
3.	Melebihi 24 bulan	45

Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan sebarang kesulitan pada saat akhir, HASiL menyeru semua pembayar cukai membuat persediaan awal dengan memastikan semua rekod dan dokumen berkaitan percukaian termasuk penyata pendapatan, resit dan invois disemak serta dilengkapkan sebelum mengemukakan BN Tahun Taksiran 2025.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- HASiL Live Chat; dan

- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 28 Februari 2026